



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**TEKS PERUTUSAN
MENTERI PENDIDIKAN**

**SEMPENA
SAMBUTAN HARI GURU PERINGKAT KEBANGSAAN
KALI KE-52 TAHUN 2023**

**PADA
16 MEI 2023**

**TEMA HARI GURU
“GURU INSANI PEMANGKIN GENERASI MADANI”**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Malaysia Madani

PENDAHULUAN

1. Dengan hati yang tulus ikhlas, mewakili seluruh kepimpinan di Kementerian Pendidikan, izinkan saya merakamkan ucapan Selamat Hari Guru kepada warga guru kita di seluruh negara.
2. Walau di manapun para guru berada, di hujung daerah yang ratusan batu jauhnya dari bandar, di tengah pulau yang sunyi sepi, di tanah tinggi yang kedinginan, mahupun di tengah-tengah kesibukan kota kosmopolitan, hari ini, ucapan Selamat Hari Guru bergema merentas segala sempadan dan seharusnya ucapan keramat ini menjengah masuk ke lubuk hati bukan sahaja setiap warga pendidik, malah seluruh anggota masyarakat.
3. Sejarah telah membuktikan bahawa kegemilangan sesebuah negara bergantung kepada kecemerlangan rakyatnya. Insan yang berperanan besar mewujudkan kegemilangan tersebut, tidak lain tidak bukan ialah guru. Dalam erti kata lain, tidak akan adanya doktor, jurutera, saintis, profesor, menteri, ahli korporat dan sebagainya tanpa adanya didikan awal bermula dari seorang bergelar guru yang mengajarkan tulis dan baca.
4. Hari ini, pelbagai trend global, menuntut kita untuk memikir dan melihat semula bidang pendidikan kita. Kehadiran saya dalam Kementerian Pendidikan adalah diiringi dengan tuntutan semasa

dan harapan pelbagai pihak agar agenda pembaharuan dalam pendidikan negara digerakkan dengan segera.

TEMA HARI GURU

Warga pendidik yang dikasihi,

5. Tema “**Guru Insani Pemangkin Generasi Madani**” dipilih sebagai tema sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan pada tahun ini. Tema ini menuntut agar guru sebagai pendidik, bertanggungjawab sepenuhnya bukan sahaja memberi tunjuk ajar kepada anak murid tetapi juga bagi memelihara martabat, kedudukan dan kemuliaan profesion yang dipandang tinggi oleh masyarakat.
6. Maka, adalah menjadi satu tuntutan untuk kita turut memberi fokus kepada usaha membina insan guru yang berkualiti tinggi. Usaha ini turut meliputi penyediaan generasi pelapis guru yang berwibawa dan pembangunan profesionalisme secara berterusan bagi para guru yang sudah sedia berada dalam sistem pendidikan negara.
7. Adalah menjadi aspirasi dan hasrat Kementerian Pendidikan untuk membentuk guru insani yang mempunyai personaliti seimbang, prihatin serta mempunyai nilai-nilai murni yang mampu menjadi pemangkin dalam membentuk masyarakat MADANI.
8. Guru insani adalah guru yang berupaya menunjukkan kemurnian akhlak dan budi pekertinya untuk menjadi ikutan dan panduan buat anak-anak murid. Nilai sopan santun, lembut tutur kata, berdisiplin,

bermentaliti kelas pertama dan memiliki '*towering personality*', perlu sentiasa dipamerkan dengan baik oleh guru kerana banyak mata yang sentiasa memerhati dan melihat keperibadian mereka.

9. Sesungguhnya guru perlu jujur dan amanah, mempunyai jati diri dan sentiasa meneroka potensi diri. Guru juga perlu memiliki semangat yang tinggi dan komitmen yang padu untuk mendidik, bukan hanya kerana ia adalah satu tuntutan kerja, tetapi lebih kepada pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang sehati dengan naluri dan jiwa untuk mendidik anak bangsa menjadi modal insan yang terbaik.
10. Oleh itu, guru sebagai pemangkin, berperanan untuk memastikan pembentukan jati diri murid yang kukuh dan berkeyakinan tinggi berlandaskan prinsip Rukun Negara serta nilai-nilai murni dalam kehidupan. Seorang guru insani dilihat bukan sahaja mampu memikul tanggungjawab untuk menyampaikan ilmu kepada anak muridnya, bahkan lebih penting mampu menjadi pendidik yang dapat mencorakkan peribadi murid ke arah keseimbangan duniawi dan ukhrawi untuk membina negara MADANI.
11. Peranan guru sebagai pendidik yang paling penting, ialah sebagai penggerak utama dalam pembinaan murid beradab, menyanjung tinggi nilai kemanusiaan untuk membentuk kemuliaan insan (karamah insaniah) dan menghargai nilai kemakmuran. Guru bertanggungjawab sebagai pemacu dalam pembinaan generasi berperibadi mulia, mapan dan berdaya cipta bagi melahirkan masyarakat yang terkedepan dari segi pemikiran dan kerohanian tanpa mengabaikan pencapaian kebendaan.

CABARAN

Warga pendidik yang dikasihi,

12. Dalam kita menelusuri denai dan liku dunia pendidikan, kita akui bahawa kita tidak terlepas daripada berhadapan dengan krisis moral, yang bukan sahaja dihadapi oleh negara kita, malahan negara lain di dunia dan telah menjadi isu global.
13. Justeru, dekadensi moral dan sahsiah generasi muda ketika ini, yang dipanggil sebagai generasi Z perlu ditangani dengan bijak. Kita, sebagai masyarakat amnya, dan para guru khususnya, berhadapan dengan generasi Z yang tidak pernah mengenal kehidupan tanpa teknologi sehingga terkadang disebut sebagai i-gen. Generasi Z ini, dinilai sebagai generasi yang penuh dengan keinginan besar untuk mencapai sesuatu tujuan, harapan, atau cita-cita. Generasi ini juga generasi yang jauh ke hadapan dan sangat mahir tentang dunia digital, percaya diri yang tinggi dan memiliki rasa ingin tahu yang sangat tinggi.
14. Jika isu ini tidak ditangani segera dengan penuh hati-hati, maka tidak mustahil, kita akan menuju kepada lahirnya sebuah bangsa yang dinamakan sebagai generasi yang hilang (the lost generation). Sesungguhnya, guru tiada pilihan, melainkan perlu kembali menghayati Falsafah Pendidikan Guru sebagai asas membina pendidikan negara dengan didasari oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam hasrat melahirkan anak baik lagi cerdas.

15. Anak murid hari ini, merupakan generasi yang amat memerlukan perhatian, cinta dan kasih sayang daripada guru yang mendidik mereka. Oleh itu, guru mesti mempunyai sifat kasih kepada anak muridnya. Dengan sifat kasih ini, guru lebih mudah mendekati anak muridnya dan secara tidak langsung, anak murid dapat meluahkan apa jua masalah yang membelenggu mereka. Sifat ini akan dapat menerbitkan rasa percaya dan perlu kepada bimbingan dan tunjuk ajar guru. Suasana mesra dan rasa selamat yang wujud antara anak murid dan guru akan memudahkan lagi proses pentarbiyahan dan pembentukan peribadi mulia.

16. Justeru, hasrat yang tersirat dalam Falsafah Pendidikan Guru dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlu benar-benar difahami dan dihayati oleh setiap guru dan perlu dirangkul bersama-sama dalam konteks karamah insaniah, iaitu konsep manusiawi yang mengkehendakkan setiap anak murid yang dilahirkan itu bukan sahaja cerdas intelektualnya malahan mempunyai perasaan empati dan kasih sayang antara satu sama lain. Maka baharulah dapat direalisasikan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera.

PENUTUP BICARA

Warga pendidik yang dikasihi,

17. Guru merupakan tulang belakang dalam memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang sewajarnya, bermula dari peringkat

prasekolah sehingga lepasan menengah. Peranan dan sumbangan para guru amat penting dan bermakna dalam memastikan generasi baharu yang lahir dapat memenuhi segala ruang dan peluang yang ada sekali gus mendepani apa jua cabaran yang datang.

18. Oleh sebab itu, perhatian guru dalam dunia pendidikan adalah yang terutama. Membangkitkan roh dan jiwa seorang guru adalah sumber dan kunci utama dalam proses keberhasilan pendidikan. Guru memikul amanah yang begitu mulia dan penuh tanggung jawab. Di tangan seorang guru akan lahir generasi yang berupaya menebarkan cahaya kebaikan di tengah masyarakat. Justeru, jadikan proses pengajaran sebagai tugas yang mulia dalam menanamkan nilai-nilai iman, adab dan akhlak kepada setiap anak murid. Teruslah bersabar dalam mendidik generasi ini. Bangkitkan roh, jiwa dan semangat dalam mendidik generasi ini.
19. Saya juga menyeru kepada semua pihak berkepentingan agar terus memberi sokongan dan bantuan kepada pihak guru dan sekolah sama ada daripada segi pandangan, kemahiran mahupun kewangan untuk melonjakkan prestasi pendidikan anak-anak kita ke arah yang jauh lebih baik.
20. Sebagai pengakhir bicara, saya sampaikan puisi karya Ismail Hj. Adnan buat guru:

Dia Seorang Guru

Dia seorang guru tua sebuah sekolah
terdidik dalam negeri tanpa berjela ijazah
penunggu setia sekolah desa bukan cuma ganjaran upah
tidak juga mengharap kemilau gelar dan anugerah
sekadar kerelaannya menggenggam suatu amanah

yang mengangkat harga diri dan maruah
dengan berbekalkan keyakinan dan hikmah
dengan keikhlasan had dan pasrah
dengan tidak mengenal jemu dan penat lelah
yang diperkirakan kepuasan diri membangun ummah
berlandas paksi yang jelas dalam tuju arah
Dia seorang guru pengganti ayah ibu
dia seorang guru pembentuk generasi baru
dia seorang guru pembina insan sepadu
dia seorang guru pewaris tamadun ilmu
yang terus hidup sepanjang waktu
diimbau berbunyi dilihat bertemu.

Ismail Haji Adnan
1989

SELAMAT HARI GURU

Wabillahi al-taufik wal hidayah wassalamualaikumwarahmatullahi wa
barakatuh.

TAMAT

Menteri Pendidikan
16 Mei 2023